

Setahun buktian keraja



PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad (kanan) dengan seorang wartawan selepas sidang kabinetnya yang pertama di Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur, semalam. Di sebelah beliau ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Musa Hitam yang juga Menteri Dalam Negeri.

Arahan Mahathir kepada Menteri2

Diwujudkan semula

Hasilnya harus dapat dilihat dalam masa setahun dan cara baru itu dapat diukur sebagai sukses jika rakyat merasa perbezaan-perbezaan dalam bentuk tugas-tugas dijalankan dengan lebih sempurna.

"Perutusan baru ini boleh dirasai dalam masa setahun oleh rakyat," katanya, "walaupun saya lebih suka menyamakan seperti kata-kata tradisi Kennedy, 'sooner'."

Dalam usaha untuk mengawasi pelaksanaan program-program negara bagi memastikan kejayaan, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, Majlis Tindakan Negara akan diwujudkan semula.

Majlis tersebut, yang akan diketuai oleh Perdana Menteri sendiri, ditubuhkan pada bulan Ogos 1971 di bawah Kabinet Allahyarham Tun Abdul Razak.

Pada masa itu ia adalah sebuah badan perantara yang bertugas menyelaraskan tugas-tugas bagi pelaksanaan Rancangan Malaysia Kedua. Majlis itu juga bertugas untuk menyelesaikan masalah-masalah yang dihadapi oleh agensi-agensinya dalam projek-projek.

Badan itu dibantu oleh Majlis Tindakan Menteri dengan cawangan-cawangan di pelbagai daerah.

Perdana Menteri juga akan memilihnya untuk mengkritik dan mengkritik tindakan-tindakan yang dihadapi oleh agensi-agensinya bagi tidak lewat dari masa.

Getah

Menjawab pertanyaan pemberita, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, kerajaan sulung kabinetnya hari ini tidak akan menentukan soal pilihan getah.

Tambah beliau kerajaan sedang mengambil beberapa langkah untuk menstabilkan harga getah.

Katanya, kerajaan sedang menimbang untuk menyimpan getah untuk menstabilkan harga getah itu.

Langkah-langkah yang akan diambil itu adalah sama dengan yang dilakukan oleh kerajaan tahun 1974 semasa harga getah jatuh, jelasnya.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia